

14 DEC 1997

Sidang-mata wang

ASEAN TAMBAH BIMBANG DENGAN BANTUAN IMF

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Dengan pemimpin-pemimpin Asia Tenggara bersedia menghadapi sidang kemuncak tidak rasmi yang paling rumit di sini esok, di tengah-tengah krisis mata wang Asia, kebimbangan terus meningkat bahawa bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mungkin tidak mencukupi untuk menstabilkan keadaan kewangan itu.

Pengerusi sidang kemuncak itu dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Thailand Chuan Leekpai yang bertemu di sini hari ini berpendapat keadaan ekonomi di negara-negara yang mendapat bantuan IMF tidak berubah.

Sebaliknya, kedua-dua pemimpin itu berpendapat keadaan itu menjadi semakin buruk, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa memberi taklimat kepada para pemberita selepas perbincangan dua hala itu.

Kedua-dua perdana menteri itu bersetuju bahawa beberapa langkah harus diambil berasaskan kerjasama antara negara-negara berkenaan bagi membolehkan mereka menangani masalah itu dengan lebih berkesan.

Menteri Luar Indonesia Ali Alatas berkata negaranya, yang telah mendapat bantuan kecemasan IMF bersama-sama dengan Thailand dan Korea Selatan, menyokong cadangan Dr Mahathir semalam supaya dipertingkatkan perdagangan antara Asean bagi mengatasi krisis itu.

Setiausaha Luar Filipina Domingo Siazon berkata masyarakat antarabangsa perlu turut serta menyokong pakej IMF itu kerana "dalam tempoh jangka panjang, keseluruhan ekonomi Asia akan memberi kesan mendalam terhadap ekonomi seluruh dunia."

"Apa yang anda perlukan ialah negara-negara bukan Asia seperti Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, Amerika Utara dan Australia untuk turut serta kerana akhirnya rantau ini akan mempunyai perdagangan yang lebih besar dengan Amerika berbanding perdagangan Amerika dengan Kesatuan Eropah," katanya.

Bantuan negara-negara bukan rantau ini sangat diperlukan bagi meningkatkan kapasiti IMF dalam menyediakan pakej bantuan awal dan sumber-sumber kemudahan sokongan jika pakej pertama itu tidak mencukupi.

IMF ialah penyumbang utama dalam pakej bantuan itu yang dianggarkan lebih AS\$50 bilion untuk Korea Selatan, AS\$17 bilion untuk Thailand dan AS\$40 bilion untuk Indonesia.

Pegawai-pegawai Thai berkata kuasa-kuasa besar ekonomi perlu membuat susulan terhadap komitmen mereka yang dibuat pada forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Vancouver baru-baru ini untuk mengatasi masalah kewangan itu.

Timbalan Perdana Menteri Thailand Supachai Panitchpakdi yang juga Menteri Perdagangan berkata China boleh memainkan peranan penting dan menjadi sebahagian daripada "proses lokomotif dalam menarik keluar negara-negara Asia daripada masalah itu."

"China boleh membantu dengan mengekalkan kemudahan memasuki pasaran mereka. Ekonomi China mungkin satu-satunya pada masa ini yang dapat mengekalkan lebihan akaun perdagangan dan tidak harus melihat kemerosotan ketara dalam tempoh pendek," katanya.

Supachai berkatasecara umumnya China masih boleh mengekalkan pasaran terbuka dan meneruskan rancangannya mengukuhkan sistem kewangannya.

"Saya rasa mereka telah pun diberi amaran awal dan ia tidak harus membebankan mereka dengan masalah yang berlebihan," katanya.

Jurucakap kerajaan Thailand Akapol Sorasuchart berkata kuasa ekonomi

dunia perlu membantu mengembalikan keyakinan di rantau ini dengan memberi "petunjuk yang jelas" mengenai kepercayaan mereka terhadap rantau ini bagi tempoh sederhana dan panjang.

"Jika petunjuk sedemikian telah diberi, mungkin hutang jangka pendek dapat diselesaikan dan keadaan menjadi bertambah baik," katanya. -- BERNAMA

TCL NAK